



GUNAKAN-LAH BAHASA KEBANGSAAN

PEMUDA BRUNEI BERJAYA BUAT ATOMIUM

BANDAR BRUNEI — Sa-orang pemuda Brunei yang bekerja sa-bagai "fitter" di-workshop Pejabat Kerja Raya di-Tasek telah berjaya mereka contoh "atomium" ia-itu suatu symbol lapangan kejuruteraan sa-bagai ujian kecekapan dalam tugas2 yang di-pikul-nya.

Pemuda itu, Mahadi bin Nasar, berumur 23 tahun telah berkhidmat di-workshop sa-bagai "improver" atau fitter sa-lama tiga tahun sa-lepas lulus dari sekolah pertukangan BSP di-Seria.

Ia telah di-hantar ka-sekolah itu oleh kerajaan untuk menuntut ilmu pertukangan dengan tujuan supaya satu hari kelak dapat-lah ia menggantikan salah sa-orang dari beberapa orang "tukang2" yang di-datangkan dari negeri2 lain untuk berkhidmat di-workshop.

Tujuan ini telah pun tercapai kerana Mahadi sekarang memegang jawatan tukang yang mahir di-workshop tersebut.

"Mahadi ia-lah anak Brunei

yang pertama mengambil tempat sa-orang tukang yang mahir dari Hongkong yang telah di-berhentikan untuk memberi peluang kepada Mahadi", kata Tuan W. Crosby Emery, Pemangku Jurutera Mekanikal di-workshop itu.

Keperchayaan atas kebolehan Mahadi itu telah bertambah apabila ia berjaya mereka contoh atomium itu dengan menggunakan dayachipta-nya sendiri dari sa-leping gambar yang telah di-berikan kepada-nya oleh Tuan Crosby Emery.

Contoh itu di-perbuat dari tembaga dan dengan bekerja sambilan di-huar jam bekerja telah siap dalam masa enam minggu.



Mahadi dengan "atomium"-nya

Tuan Crosby Emery berkata: "Kesiapan contoh itu dalam masa tersebut ada-lah membuktikan kecekapan Mahadi membuat-nya."

"Ukuran atomium itu tidak di-beri, dan satu perkara yang susah sa-kali ia-lah mengangap penjur, panjang dan besar tiang2 serta kaki contoh2 itu".

PERTUNJOKAN DUNIA

Gambar yang di-berikan kepada Mahadi itu ia-lah rupa "atomium" yang telah di-bena di-pertunjukan dunia di-Brusel dalam tahun 1954. Ukuran-nya yang sa-benar-nya ia-lah 334.6 kaki tinggi dan 59 kaki lebar satu2 bulatan itu.

Jarak antara satu bulatan dengan satu bulatan lain ia-lah 95.1 kaki dan bulatan paip yang menyambungkan-nya ia-lah 9.8 kaki.

Sa-belum masuk sekolah pertukangan B.S.P. di-Seria Mahadi telah belajar di-sekolah Melayu SMJA Brunei.

PENYAKIT KERONGKONG

BANDAR BRUNEI — Sa-ramai 15,445 orang kanak2 telah di-suntik dengan ubat penyakit kerongkong sa-hingga 22 Februari semenjak gerakan menyuntik di-lancarkan pada 20 October tahun lepas. Dalam masa itu sa-ramai 6 orang kanak2 telah mati di-serang oleh penyakit tersebut.

5 ORANG WAKIL KA-SIDANG ECAFE

BANDAR BRUNEI — Lima orang pegawai kerajaan ada-lah di-jadualkan berangkat dari Brunei pada hari ini ka-India untuk menghadiri persidangan rombongan ECAFE di-New Delhi.

Pegawai2 itu ia-lah Dato Setia Marsal bin Maun, Timbalan Setia Usaha Kerajaan (Ketua rombongan), Inche Saad bin



Dato Setia Marsal

Marruki, Setia Usaha Perkembangan Negara (Setia Usaha rombongan), Yang Berhormat Inche Hamid bin Awang Damit, Pegawai Tanaman Negara, Inche Chua Kwang Soon, Penguasa Kastam dan Inche Zaini bin Orang Kaya Shahbandar.

Inche Zaini mengiringi rombongan itu sa-bagai jurubahasa kepada ketua rombongan.

Ini-lah pertama kali Brunei akan menghadiri persidangan ECAFE itu sa-bagai ahli.

Rombongan itu di-jangka balek dari India ka-Brunei melalui Singapura pada 24 March dan sampai di-Brunei dua hari kemudian.

Persidangan itu akan di-mula pada 8 March.

Dalam perjalanan ka-New Delhi rombongan itu akan singgah di-Singapura dan di-jadualkan berlepas ka-India pada 4 March.

KAKI BAHARU ORIENT EXPLORER DALAM PERJALANAN KA-LABUAN

SERIA — Pentas laut "Orient Explorer" yang di-jadikan pangkalan oleh syarikat minyak Brunei Shell untuk menduga telaga minyak di-laut negeri2 British Borneo itu mungkin diperbaiki tidak lama lagi.

Pentas laut itu telah berhenti menduga telaga minyak di-laut dalam tahun lepas sa-telah "kaki"-nya rosak. Semenjak itu pentas itu telah di-labuhkan di-perayeran Borneo Utara di-Labuan.

Satu pengumuman syarikat Shell berkata bahawa bahagian kaki yang rosak itu akan sampai di-Labuan dalam bulan April tahun ini.

Sa-baik sahaja perkakas itu sampai kelak, pekerja2 akan mula-lah menjalankan kerja memperbaiki. Kerja itu di-jangka akan siap dalam masa dua atau tiga bulan.

2 guru sekolah Melayu yang pertama di-Brunei

BERAKAS. — Keadaan persekolahan anak2 Negeri Brunei pada tahun 1912 ada-lah merupakan persekolahan yang maseh liar dengan hanya mempelajari menulis dan membaca sa-lain dari belajar membaca sha'er dan hikayat2 yang di-tulis oleh pengarang2 yang tidak banyak jumlah-nya pada masa itu.

Ini, telah di-cheritakan oleh Awang Mujitaba bin Dato Imam Haji Mokti, berumur 67 tahun, di-Kampung Burong Pinggai Berakas, dalam suatu perbualan di-rumah Yang Berhormat Inche Shahbuddin bin Md. Saleh baharu2 ini.

Awang Mujitaba ada-lah anak Melayu Brunei yang banyak menempoh berbagai2 pengalaman sa-masa muda-nya, pernah bekerja sa-bagai kerani Sultan, pegawai kastam dan merantau keluar negeri dengan berbagai2 pekerjaan.

MENGAJAR KORAN

Pada masa ini beliau hanya mengajar mengaji koran kepada orang2 di-kampung-nya.

Inche Mujitaba hanya mendaftarkan pendidekan dari Sekolah Melayu Labuan sa-takat darjah 111



Awang Mujitaba

sahaja dan dengan pengetahuan-nya itu beliau telah di-lantek oleh Tuan Chivalier yang pada masa itu menjadi British Resident Labuan menjadi sa-orang guru.

Inche Mujitaba berkata bahawa pada tahun 1912 sekolah2 belum lagi di-adakan sa-chara rasmi. Pada masa itu kanak2 bersekolah hanya di-tempatkan di-bangunan mesjid sahaja dengan murid2-nya tidak lebih dari 70 orang yang terdiri dari murid2 yang berumur 10 hingga 15 tahun. Murid2 itu kebanyakan-nya datang dari Kampung2 Burong Pinggai, Sungai Kedayan dan Setia Pahlawan.

Guru-nya pada masa itu hanya dua orang sahaja ia itu Awang Mujitaba sendiri dan Che' Yub dari Perak. Tetapi kerana sa-suatu hal, maka kedua2 orang guru itu telah tidak dapat melanjutkan perkhidmatan-nya dan tempat-nya telah di-penuhi oleh Chegu Abang Haji Zaidi dari Sarawak dan lain2 guru penolong-nya.

Mencheritakan murid2-nya pada masa itu yang maseh dalam ingatan-nya, Awang Mujitaba menjelaskan bahawa nama2 orang ini ia-itu Pehin Orang Kaya di-Gadong, Tuan Haji Hasbullah, Pengiran Anak Kamis, Pengiran Anak Sapar, Pehin Jawatan Dalam Haji Md. Noor dan Awang Ahmad ada-lah sa-bahagian daripada murid2-nya yang maseh dalam ingatan-nya.

DALAM JAWATAN

"Hanya dua tahun sahaja dalam jawatan guru saya pun minta berhenti sebab saya takut kerana saya akan di-hantar ka-Malaya dan ganti saya pada masa itu ia-lah Awang Chuchu dari Sungai Lampai; kata Awang Mujitaba. Sa-lama dua tahun menjadi guru itu, tambah beliau, ketika belajar murid2 bersila di-atas lantai dan guru-nya sahaja yang ada meja.

Murid2-nya hanya memakai papan batu tempat menulis apa2 pelajaran yang di-ajarkan oleh guru pada masa itu".

Bercherita tentang dasar2 pelajaran pada masa itu tidak ada apa2 melainkan murid2 di-ajar bagaimana membaca dan menulis sahaja.

GAJI SA-BULAN

Menurut keterangan beliau gaji-nya jadi guru itu ia-lah \$11.00 sahaja dan guru penolong-nya hanya \$4.00 sa-bulan.

Mengenai pakaian guru pada

masa itu beliau menegaskan, "guru pada masa itu hanya memakai kain sarong dan baju mengikut kesukaan masing2 dengan tiada memakai kasut dan orang2 pada masa itu kebanyakan-nya berchukor belum ada yang bergunting saperti sekarang ini.

Dengan berjenaka Awang Mujitaba menegaskan: "Barangkali saya-lah orang-nya yang mula2 bergunting dalam negeri ini".

Bercherita tentang Sultan Brunei pada masa itu, Awang Mujitaba berkata bahawa Sultan Brunei pada masa itu ia-lah Sultan Muhammad Jamalul 'Alam.

Brunei pada masa itu belum ada pun sa-buah kereta, melainkan hanya Sultan sahaja yang mempunyai sa-buah outboat.

"Outboat pada masa itu tidak laju saperti outboat sekarang; boleh di-katakan 10 kali ganda laju-nya dari outboat yang dahulu", kata Awang Mujitaba dengan berseluruh.

40 PINTU KEDAI

"Kedai2 di-Brunei pada masa itu hanya berjumlah lebih kurang 40 pintu sahaja dan Bandar Brunei yang ada sekarang ini maseh penuh dengan hutan belukar dengan mempunyai jalan2 yang belum pakai minyak tar", tambah beliau.

"Awang Mujitaba juga mencheritakan tentang pulis pada masa itu hanya lebih kurang 20 orang sahaja termasuk beberapa orang sikh dan doktor-nya pada masa itu ia-lah sa-orang China yang terkenal dengan nama Mr. Leong.

LATEHAN PEMUDA DI-MALAYA

BANDAR BRUNEI.—Awangku Mohamed Yusuf bin Pengiran Abu Bakar, bekas guru sekolah Melayu dan wartawan di-negeri ini akan berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada 15 haribulan ini untuk menghadiri kursus bagi penge-lola ranchangan pemuda.



Awangku M. Yusuf

Beliau akan menghadiri kursus tersebut sa-lama kira 2 enam bulan atas perbelanjaan Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait.

Pada masa beliau kembali ka-Brunei sa-lepas menghadiri kursus tersebut Awangku Mohamed Yusuf akan berkhidmat dengan Lembaga Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait, sa-bagai pengelola ranchangan pemuda.

Beliau ia-lah bekas penolong pengarang akhbar "Berita Brunei" yang pada masa ini tidak-lah di-terbitkan lagi.



Penyanyi2 yang berjaya dalam pertandingan Bintang Radio Steshen Brunei yang telah di-langsungkan di-dewan S.O.A.S. College, Bandar Brunei pada bulan February yang lalu.

Dari kanan ka-kiri: 1. P. Samin (johan bahagian laki2), 2. "Kamran Shah" (naib johan bahagian laki2), 3. M. Bakri dari Temburong (pemenang yang ketiga), 4. A. B. Mashani dari Tutong (johan bahagian wanita), 5. Sahara Ahmad (naib johan bahagian wanita) dan 6. Aisah Sirat (pemenang yang ketiga).

Tiga orang laki2 dan tiga orang wanita tersebut telah di-pilih mewakili Steshen Brunei dalam pertandingan menyanyi bagi merebutkan gelaran johan sa-negeri yang akan di-adakan di-Bandar Brunei dalam minggu pertama Hari Raya Puasa pada bulan ini.

Penyanyi2 yang akan mewakili Steshen Kuala Belait dalam pertandingan akhir Bintang Radio seluruh Negeri Brunei bagi tahun ini ada-lah saperti berikut: Laki2 — Mohamed Ali bin Haji Paun dan S.H. Alias. Wanita — Norleha binti Mohamed Noor dan Dayangku Iring binti Pengiran Mohamed Sa'id.

KESALAHAN MELARIKAN CHUKAI

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang saudagar kain, M. Jainuddin Maricar, telah di-denda \$240.90, atau penjara sa-lama enam bulan oleh Stipendiary Magistrate Tuan Charlie Foo Chee Teng di-mahkamah di-sini baharu2 ini kerana kesalahan melarikan chukai sa-banyak \$40.15.

Penyelia Kastam, Inche Sahari bin Idris, menyatakan kepada mahkamah bahawa Jainuddin telah membuat pengakuan palsu berkenaan dengan harga 1,313 ela kain yang di-bawa masuk dari Singapura.

Kesalahan itu di-katakan telah

di-lakukan-nya di-Bandar Brunei pada 29 December tahun lepas.

Kain itu yang sa-benar-nya berharga \$1,112.71 bukan-nya \$711.15 saperti yang telah di-akui oleh yang di-tuduh telah di-pe-rentahkan oleh Tuan Charlie Foo supaya di-rampas.

2 WAKIL BRUNEI DALAM PERTANDINGAN

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pembacha koran yang terkenal di-sini telah di-pilih untuk mewakili Negeri Brunei dalam peraduan membacha koran terbuka kepada segala negeri yang akan di-langsungkan di-Kuala Lumpur pada bulan ini.

Pembacha2 koran tersebut ia-lah Inche Sabtu bin Ahmad dan Awang Mohamed Yusuf bin Abdul Latif.

Inche Sabtu dan Awang Mohamed Yusuf telah di-pilih un-

Awang Mohamed Yusuf naib johan.

Delapan orang pembacha2 koran mewakili daerah2 Brunei, Tutong, Belait dan Temburong telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut dan keputusan-nya ada-lah seperti di-bawah ini :

NAMA2 PEMENANG

1. Inche Sabtu bin Ahmad (Brunei) — 269 mata ;
2. Awang Mohamed Yusuf bin Abdul Latif (Brunei) — 268 mata ;
3. Inche Abdul Hamid bin Talipuddin (Tutong) — 266 mata ;
4. Tuan Haji Abdul Rahim bin



Inche Sabtu bin Ahmad



Mesjid Omar Ali Saifuddin

tok mewakili Negeri Brunei dalam peraduan tersebut sa-lepas beliau2 berjaya dalam peraduan membacha koran seluruh Negeri Brunei baharu2 ini.

Peraduan membacha koran itu telah di-langsungkan di-Mesjid Omar Ali Saifuddin di-bawah anjoran Jabatan Hal-Ahwal Ugama Negeri Brunei.

Dalam peraduan itu Inche Sabtu telah menjadi johan dan

BRUNEI DAPAT PERKHIDMATAN TIGA BEKAS PEGAWAI UGAMA

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang bekas pegawai2 Ugama Kerajaan Johore yang telah bersara telah tiba di-sini baharu2 ini untuk berkhidmat dengan Kerajaan Brunei.

Mereka itu ia-lah Inche Ismail bin Haji Mohamed Ariff, Tuan Haji Kenot bin Awang dan Tuan Haji Abdul Kadir bin Haji Hassan.

Tuan Ismail bin Haji Moha-

Hakim (Temburong) — 253 mata ; 5. Inche Morni bin Abdul Ghafar (Belait) — 252 mata ; 6. Inche Basri bin Abun (Belait) — 240 mata ; 7. Inche Morshidi bin Abdullah (Tutong) — 191 mata dan 8. Tuan Haji Yahya bin Nayan (Temburong) — 159 mata.

HAKIM2 PERADUAN

Peraduan itu telah di-hakimkan oleh Yang dimuliakan Pehin Tuan Imam Haji Metasim, Tuan Haji Othman bin Haji Mohamed Sa'id, Begawan Khatib Haji Metali dan Inche Ishak bin Adam, kadhi Daerah Tutong.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah menyampaikan hadiah kepada pembacha2 koran yang berjaya dalam peraduan tersebut.

Wakil2 dari Negeri Brunei kaperaduan bacaan koran di-Kuala Lumpur itu akan berangkat bersama2 dengan Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Othman pada hari Ahad 5 March dengan kapal terbang dari Brunei ka-Singapura.

Ahli2 lembaga hakim2 pelawat penjara Brunei dan Belait

BANDAR BRUNEI. — Dua belas orang dari Brunei dan 12 dari Kuala Belait telah di-lantik oleh kerajaan menjadi ahli2 lembaga hakim2 pelawat bagi penjara2 untuk tahun ini.

Mereka itu ia-lah :

Brunei — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Setia Haji Ahmad bin Daud, Yang Berhormat Tuan George Newn Ah Foott, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Dato Setia Haji Awang Mohamed

Noor, Pehin Dato Temenggong Lim Cheng Choo, Inche Ali Khan bin Abdul Khan.

Pengiran Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Inche Matnoor McAfee, Inche Ajmain bin Abdul Razak, Inche Sunny bin Ahmat, Tuan Charlie Foo, Inche Abdul Ghani bin Jamil dan Tuan Kong En Choi.

Kuala Belait — Yang Berhormat Pengiran Jadid bin Pengiran Nasaruddin, Pehin Bendahari China Kurnia Diraja Hong Kok Tin, Inche Abdul Ghani bin Hassan, Dr. J. Wolf,

Inche Abidin bin Rashid, Inche Elias bin Pat Jupp, Dr. Chang Wan Yu, Tuan V.R. Veerappan, Inche Taha bin Raman, Pengiran Haji Wahab bin Pengiran Abdul Rahman dan Tuan Chung Pah Hin.

Balek dari berchuti

BANDAR BRUNEI. — Tuan A.N. Outram, Pesuruh Jaya Pulis, Brunei, isteri dan anak perempuan mereka telah balek ka-Brunei pada hari Khamis yang lalu dari Hongkong sa-lepas berchuti di-sana sa-lama dua minggu.

Dalam masa Tuan Outram berada di-luar negeri, Tuan David St. J. Forrer, Penguasa Special Branch telah memangku jawatan Pesuruh Jaya Pulis, Brunei.

LAWATAN PAKAR KESEHATAN KAWASAN BARAT PACIFIC

BANDAR BRUNEI. — Wakil Pertubuhan Kesehatan Dunia bagi kawasan Barat Pacific, Dr. W.W. Yung telah sampai di-Brunei pada 20 February lepas kerana melawat sa-lama dua hari.

Beliau telah di-sambut di-lapangan terbang Berakas oleh Pegawai Perubatan Negara, Dr. Abdul Wahab bin Ariff.

Dalam satu siaran Dr. Abdul Wahab berkata bahawa lawatan Dr. Yung itu ia-lah dengan tujuan hendak mengadakan satu penyiasatan berkenaan dengan

kemajuan kesehatan dan rancangan2 kesehatan bagi masa akan datang di-negeri ini.

Dr. Yung juga telah mengadakan rundingan berkenaan dengan bantuan Pertubuhan Kesehatan Dunia kepada Jabatan Kesehatan Brunei khas-nya mengenai :

◆ Rancangan biasa bagi tahun 1963.

◆ Kerja2 menchegegah malaria bagi tahun 1962 dan 1963.

◆ Rancangan bantuan teknikal bagi tahun 1962 dan 1963.

CHARA2 MENJAGA PADI SUPAYA TAHAN LAMA

Inche Ahmad bin Haji Ismail sa-orang pegawai pertanian Brunei menamatkan ranchana-nya tentang chara2 ber-tanam padi yang baik sa-kali untuk menambah pengeluaran hasil padi negeri ini.

Dalam ranchana-nya yang penghabisan ini Inche Ahmad menerangkan bagaimana padi itu patut di-simpan sa-telah di-tuai supaya tahan lama dan tidak di-makan bubuk.

Pekerjaan merumput hendak-lah di-laksanakan kira2 sa-bulan sa-lepas bertanam supaya kesuboran padi itu tidak terganggu. Perbuatan merumput ini di-jalankan dua kali sa-hingga padi bunting. Lazim-nya rumput berkurangan jika ayer sentiasa ada dalam sawah.

Ayer sangat di-perlukan dari mula membuat persediaan paya sa-hingga padi bunting dan sa-telah berbunga padi itu baharu-lah tidak di-kehendaki. Ini ber-maana ayer dengan beransor2 banyak di-kehendaki sa-lepas bertanam.

AYER MUSTAHAK

Oleh sebab ayer itu musta-hak perlu-lah di-buatkan tali2 ayer dan parit untuk menge-luarkan ayer yang berlebeh atau tidak di-kehendaki. Parit di-buatkan lebeh rendah dari muka bumi, tetapi tali ayer berlainan dari parit.

Tali ayer biasa-nya di-buat lebeh tinggi dari perasan muka bumi; kerja2-nya memberi ayer kapada ladang2 melalui salo-ran. Ini-lah beza-nya antara parit dengan tali ayer.

Di-negeri2 yang telah maju jika ada ladang2 dan paya2 persawahan yang luas, sa-mesti-nya di-adakan tali2 ayer dan parit2 supaya memberi bantu-an besar terutama sa-kali untuk menyuborkan tanaman2.

Perlu beringat2 dan mem-perhatikan baik2 akan musoh2 yang tertentu, baik dari luar mahu pun dari dalam yang membahayakan atau memus-nahkan segala tanaman2.

Perlu beringat2 dan mem-perhatikan baik2 akan musoh2 yang tertentu, baik dari luar mahu pun dari dalam yang membahayakan atau memus-nahkan segala tanaman.

Musoh2 padi banyak dan bermacham2 pula bentuk, gaya dan rupa-nya. Oleh yang de-mikian jika berjumpa dan tahu tanda2-nya hendak-lah beri tahu dengan segera kapada sa-barang pegawai pertanian yang berhampiran.

Ia akan memberi pertolongan untuk menchebag musoh itu dari merebak atau menjadi2 dengan menggunakan rachun musoh itu dari merebak atau menjadi2 dengan mengguna-kan rachun musoh2 itu.

Rachun itu ada berbagai2 jenis dan bermacham2 chara

menggunakan-nya mengikut jenis musoh yang hendak di-binasakan. Musoh2 saperti babi hutan, tikus, kesisang atau pianggang, giok2 atau ulat2 batang dan layar atau giok pais surok2 dan burong2 pipit atau sa-umpama-nya, bermacham2 pula jenis-nya.

Pada mula-nya sedikit sahaja musoh itu datang. Sa-telah ia beranak pinak dan biak ia akan membahayakan segala tanaman2 terutama sa-kali di-tempat yang semak2 dan yang berhampiran dengan hutan2 kerana di-situ-lah tempat-nya.

Jika ada demikian hendak-lah kita dengan serta merta membersehhkan dan membina-sakan-nya sa-belum membiak dan merebak.

Tetapi burong2 pipit dan kesisang, berkala2 ada-nya, teru-tama sa-kali kalau padi2 sedang berbunga dan berbuah yang tidak sama rata, harus akan menerima akibat2 seran-gan2 saumpama itu, tetapi akan jadi berkurangan apabila telah banyak dan sama rata masak-nya.

Sa-balek-nya harus tidak luas.

Petani2 di-Brunei biasa-nya membuat pondok2 dan telin-ting, sa-masa padi sedang ber-bunga dan berbuah untuk men-ghalau burong2 pipit sahaja.

BABI DAN TIKUS

Untuk musoh2 saperti babi hutan dan tikus, ada sa-jenis rachun yang sangat2 baik dan berjaya bernama "zinc phos-phide."

Rachun ini boleh dapat di-beli dari Pejabat Tanaman di-tiap2 daerah atau melalui pegawai2 yang bertugas. Demikian juga lain2 rachun dan ubat2 mengenai perkara2 tersebut.

Pekerjaan mengetam atau menuai padi ia-lah yang musta-hak sa-kali apabila telah sama rata masak-nya padi itu. Tugas ini akan di-laksanakan pada hari yang baik dan sesuai pada fikiran kaum petani.

SEDIKAKAN PERKAKAS

Sa-telah itu perkakas2-nya pula di-sediakan ia-itu pisau atau tuai atau pun sabit, tikar2, guni2, tekiding atau lasok2, tong banting dan pengirek padi dan pondok2 sementara atau "kalangan."

Sa-belum memulakan peker-jaan mengetam, terlebih dahu-lu hendak-lah di-pereksa buah2 padi, dan di-asingkan mana yang baik dan sesuai untuk di-jadikan beneh pada masa akan datang. Ayer hendak-lah juga di-keringkan terlebih dahulu sa-belum mengetam supaya

meratakan masak buah2 padi di-ambil.

Sabit boleh memotong atau mengerat sa-rumpun sa-kali di-pertengahan batang2 padi ter-masok padi yang belum masak.

Tong banting atau pun jen-tera pengirek padi ada berlain-an sedikit. Tong banting ber-kehendakan memukulkan ba-tang2 dan buah2 padi ka-dalam-nya dengan di-sediakan tangga pula serta berinding kain atau tikar keliling tong.

Jentera pengirek di-goyang-kan oleh kaki dan batang2 padi di-tarohkan di-atas-nya dengan mengenakan pada pusingan roda berpaku2 untuk melurohkan buah2 padi ka-atas tikar yang di-sediakan jadi lapik atau alas-nya itu.

Buah2 padi yang di-dapati dengan tempat menyemai padi itu terlebih dahulu.

IKAN PERLU DI-PELIHARA UNTUK MENJAMIN MAKANAN

Perusahaan perikanan sa-lain dari chara nelayan sangat mus-tahak di-jalankan di-negeri ini kerana ikan ia-lah makanan yang mustahak kapada penduduk2 negeri sa-lain dari beberapa jenis ma-kanan yang lain. Dalam ranchana ini, Inche Bayan bin Gambor, pegawai luar pejabat tanaman di-Kilanas memberi kupasan2 dan pendapat2-nya tentang chara2 perusahaan perikanan yang ada sekarang.

Perusahaan ikan di-negeri ini ada-lah satu perkara yang ba-haru di-choba oleh jabatan pertanian ia-itu semenjak tahun 1956 tetapi dari hasil-nya menaruh harapan besar kerana apa yang di-ketahui tentang kehidupan-nya ada-lah bersesuaian dengan keada-an di-negeri ini.

Ikan2 yang di-ternak di-Kilanas itu di-sediakan kolam makanan, dan di-jaga.

KEADAAN KOLAM DAN AYER-NYA.

Tapak kolam untuk menternak ikan2 itu yang sa-baik2-nya tanah rata yang boleh masuk dan keluar ayer-nya.

Kolam itu di-gali dengan dua tingkatan dalam-nya ia-itu 3 kaki lebeh kurang dalam-nya pada hujung sa-belah menchuram hingga 6 kaki pada hujung sa-belah yang bertentangan.

Tujuan kolam itu di-churam-kan dalam-nya ia-lah untuk mem-beri perlindungan di-ayer yang dalam pada ikan2 itu pada masa panas dan bermain2 di-tempat yang chetek pada masa panas berkurangan.

Besar kolam ada-lah mengikut berapa banyak ikan2 yang akan di-pelihara, umpama-nya kolam yang 60 kaki panjang dan 25 kaki lebar boleh di-masokkan kira2 500 ekor ikan pada permu-laan.

Sa-sudah kolam itu di-gali di-buatkan pula saluran ayer supaya ayer boleh masuk ka-dalam kolam itu dan satu lagi saluran untuk mengeluarkan ayer dari kolam itu

Pekerjaan menyabit atas sa-ekar tanah boleh di-laksanakan oleh empat orang, ia-itu dua orang menyabit dan dua orang membanting atau mengirek pa-da sa-hari.

DURONG ATAU KEPOK

Lazim-nya padi2 di-simpan atau di-taroh dalam durong atau kepok yang di-buat dari kulit kayu. Padi itu di-simpan bertangkai2 supaya boleh tahan lama dan tidak di-makan bu-bok, dan dengan biji2 pun bo-leh, asalkan tidak kena ayer hujan dan di-makan tikus.

Bagitu juga untuk beneh2 lebeh baik bertangkai supaya menjauhi dari berchampur.

Semua padi di-jemorkan ter-lebeh dahulu supaya jangan tumbuh kelak. Tetapi orang2 Dayak atau Iban biasa-nya menaroh padi dalam kepok di-atas rumah dan tiap2 hari di-pa-sangkan api dan asap-nya di-gunakan untuk keselamatan dari ulat2 dan sa-bagai-nya.

supaya ayer dalam kolam itu sentiasa dalam keadaan baharu.

Jenis2 ikan untuk peliharaan ini ia-lah ikan2 yang berasal dari Negeri China dan lain2 negeri dan di-datangkan dari Malaya, Singapura, dan Borneo Utara yang telah memelihara-nya sa-chara besar2an dengan mempor-oleh kejayaan.

Ikan2 itu ia-lah (a) Tilapia, (b) Chow Ho, (c) Twa Tow Song, (d) Peh Lian, (e) Leng Chee, (f) Lee Koh dan ikan Gurami.

Menurut yang sudah di-buat ikan2 Tilapia, Chow Ho, Twa Tow Song, Peh Lian, Leng Chee dan Lee Koh ini boleh di-cham-porkan dalam sa-buah kolam un-tok memelihara-nya. Ikan gurami hendak-lah di-asingkan dalam sa-buah kolam lain, tidak boleh di-champorkan dengan ikan2 yang lain tadi.

MAKANAN

Makanan untuk ikan2 peliha-raan ini ada-lah daripada tumbu-han2 yang senang di-dapati dan boleh hidup di-negeri ini.

Sa-belum ikan2 di-lepaskan da-lam kolam hendak-lah tiap2 ko-

(Lihat muka 6)

Keputusan pepereksaan kerani2 "A", "B"

BANDAR BRUNEI. — Empat belas orang telah lulus dalam pepereksaan kerani tingkatan "B" dan 19 orang telah lulus dalam tingkatan "A".

Tiga belas orang yang tidak lulus hanya satu perkara sahaja dalam pepereksaan tingkatan "B" ada-lah di-kehendaki masuk pepereksaan lagi dalam perkara itu.

Dalam pepereksaan tingkatan "A" pula, 27 orang yang tidak lulus hanya satu perkara sahaja ada-lah di-kehendaki juga masoh pepereksaan dalam perkara itu.

Keputusan penoh pegawai2 yang lulus dalam pepereksaan kerani tingkatan "B" ada-lah saperti di-bawah ini :

Awangku Zahari bin Pengiran Damit, Md. Sharif bin Naweh, Tamit bin Haji Mangol, Tengku Pengiran, Mohamed Hassan bin P.P. Haji Metasim, Abu Na'im bin Mohamed Sa'id, Jumat bin Salleh, Jalil bin Marsal, Mak Chin Soon, Sheikh Salleh bin Sheikh Mahmud, Lim Hui Tin, Leong Teng Pong, Chong Hock Foh dan W.W. Perera.

TINGKATAN "A"

Kerani2 yang lulus dalam pepereksaan kerani tingkatan "A" ada-lah saperti di-bawah ini ;

Yahya Hassan, Hamid bin Ibrahim, Awangku Tajuddin bin Pengiran Haji Tengah, Ali bin Mohamed Daud, Kassim Mudzaffar, Kassim bin Abdul Ghani, Abdul Wahab bin Ali, Latam Haji Ismail, Metassan bin Haji Metussin, A. Mohamed bin A. Hussin, Abdul Rashid bin Kahan, Abdul Karim bin Yahya, Annuar bin Mohamed Tahir, Maidin bin Haji Kasim, Tamit bin Hanafiah, Abu Bakar bin Sirat, Adenan bin Pawie dan Tan Koon Tiang.

PEREKSA LAGI

Pegawai2 yang berikut ada-lah di-kehendaki menduduki pepereksaan kernai tingkatan "B" sa-kali lagi dalam satu perkara sahaja :

Jusuf bin Abu Bakar — Pengetahuan 'am, Aisah binte Abdullah — karangan, J. Chong Min Fui — karangan, Mohamed Salleh bin Bungkol — karangan, William Shim — karangan, Awangku Hamzad bin Pengiran Haji Ismail — typing, Mohamed Salleh bin Timbang — pengetahuan 'am, Omar bin Johari — pengetahuan 'am.

Ahim bin Ibrahim — atoran pejabat, Naemah binti Mohamed Yusuf — pengetahuan 'am, Low Joon Huat — atoran pejabat, Law Yuk Lan — penterjemahan, dan Then Chung Seng — penterjemahan.

Pegawai2 yang di-kehendaki menduduki pepereksaan kerani tingkatan "A" sa-kali lagi dalam satu perkara sahaja ada-lah saperti di-bawah ini :

Pengiran Haji Mahmud — typing, Awangku Othman bin Pengiran Ismail — ilmu hisab, Yahya bin Kalong — ilmu hisab, Muhammad bin Abdulrahman — ilmu hisab, Awang bin Mohamed Hassan — atoran pejabat, Ibrahim bin Jamudin — atoran pejabat, Awangku Salleh bin Pengiran Bungsu — atoran pejabat, Abdullah bin Tahir — atoran pejabat.

Abang bin Bani — atoran pejabat.

bat, Abdullah bin Awang Besar — typing, Mohamed Yusuf bin Taha — ilmu hisab, Awangku Omarali bin Pengiran Muhammad — atoran pejabat, Abidin bin Mohamed Zain — ilmu hisab, Tinggal bin Bungkol — atoran pejabat.

Abdullah bin Abdul Rashid — typing, Awangku Omar bin Pengiran Mohamel Salleh — atoran pejabat, Jimmy Tan — salinan tangan, Ahmad Shah bin Abdul Rahman — atoran pejabat, Idris bin Labuan — typing, Awang Mukim bin Awang Hassan — ilmu hisab, Sirun bin Sikut — atoran pejabat dan Mohamed Zaini bin Shawal — atoran pejabat.

RANCHANGAN MINGGU BAHASA DAERAH BELAIT — SERIA

KUALA BELAIT. — Hari pembukaan kerana menyambut Minggu Bahasa bagi Daerah Belait akan di-adakan pada 10 April hadapan jam 8.00 pagi di-Padang Besar di-sini.

Achara2 yang akan di-adakan dalam "hari pembukaan" itu antara-nya ia-lah :

◆ Chogan kata (besar) akan di-pasang di-hadapan pentas ;

◆ Semua pegawai2 kerajaan, murid2 sekolah, pertubohan2, pekerja2 BSP, dewan2 perniagaan dan orang ramai akan hadir pada masa dan tempat yang di-tetapkan dengan membawa chogan2 kata masing2 yang berbong dengan Bahasa Kebangsaan.

◆ Ketua2 kaum di-da'erah ini akan memberi ucapan2 yang ringkas dalam bahasa Melayu sebagai mengalu2kan Minggu Bahasa ;

◆ Lagu Minggu Bahasa akan di-nyanyikan oleh murid2 sekolah semua bangsa dalam upacara pembukaan ini ; dan

◆ Sa-lepas itu semua yang hadir akan berarak dengan membawa chogan2 kata masing2 melalui pekan Kuala Belait dan kemudian kembali sa-mula ka-padang besar.

KEPUTUSAN

Upacara di-atas telah di-pusulkan oleh Jawatan Kuasa Minggu Bahasa Da'erah Belait yang berlangsung pada 22 February lepas, di-pengerusikan oleh Yang Berhormat Pengiran Jadid bin Pengiran Nasaruddin, Nazir Sekolah2 Melayu Belait.

Jawatan Kuasa tersebut telah juga mengambil keputusan akan bertindak sesuai dengan maksud Surat Keliling dari Setia Usaha Kerajaan mengenai perintah2 mewajibkan semua jabatan2 Kerajaan menggunakan bahasa Melayu dalam semua urusan.

Tindakan2 yang akan di-ambil ia-lah memerintahkan semua jabatan2 Kerajaan supaya mengamalkan penggunaan bahasa Melayu dengan amalan yang sungoh2 dan berkesan ia-itu menukar nama2 pejabat, tanda2 jalan raya, surat menyurat dan segala

urusan kepada orang ramai dan lain2.

Perchakapan dan perhubungan telephone dan Radio (bahagian Inggeris dan China) di-minta menggunakan bahasa Melayu waktu pembukaan-nya sa-tiap2 siaran sa-panjang Minggu Bahasa.

Tindakan2 yang sa-rupa ini juga akan di-kenakan kepada taukeh2 kedai, gudang2 perniagaan dan perusahaan dan Shariat BSP.

Poster2 yang bertulis saperti "gunakan-lah bahasa Melayu" dan lain2 akan di-jadikan sa-bagai gerbang di-jalan2 raya, di-tampalkan di-tembok2, kereta2, kedai2, pejabat2 dan panggong2 wayang.

Chogan2 kata juga di-minta oleh Jawatan Kuasa tersebut supaya di-tayangkan di-panggong2 wayang di-da'erah ini.

KETUA NAZIR

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang guru yang telah berkhidmat dengan Jabatan Pelajaran Negeri Brunei sa-lama dua puluh sembilan tahun telah di-lantek dengan rasmi-nya menjadi Pengelola Pelajaran Melayu Negeri Brunei baharu2 ini.



Inche Noordin

Beliau ia-lah Inche Noordin bin Abdul Latiff, bekas Ketua Nazir Sekolah2 Melayu Negeri Brunei.

Dalam masa perkhidmatannya itu dengan Jabatan Pelajaran di-negeri ini, Inche Noordin telah menjawat berbagai2 jawatan, di-antara-nya ia-lah sa-bagai guru besar, guru kumpolan, pegawai pelajaran di-Kuala Belait, ketua nazir dan pemangku pengelola pelajaran Melayu.

Beliau di-lahirkan di-Negeri Brunei pada 16 November, 1915 dan mendapat pendidekan di-Sekolah Melayu Pekan Brunei serta di-Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.

Inche Noordin telah berangkat ka-United Kingdom pada tahun 1955 untuk memerhatikan keadaan pelajaran di-sana sa-lama empat bulan.

PERUBAHAN MASA BEKERJA SA-PANJANG BULAN PUASA

BANDAR BRUNEI. — Pada sa-panjang bulan puasa Pejabat2 Kerajaan di-Negeri Brunei di-buka mulai pada pukul 8 pagi hingga ka-pukul 2.30 petang.

Menurut sa-puchok surat keliling Pejabat Setia Usaha Kerajaan bertarikh pada 23 February, 1961, waktu bekerja bagi kaki-tangan Kerajaan Brunei yang bergaji hari ia-lah sa-lama enam jam sa-tengah dan waktu habis bekerja ia-lah tidak lebeh dari pukul 2.30 petang.

Kaki-tangan Kerajaan bergaji hari yang di-kehendaki bekerja lebeh dari enam jam sa-tengah, ada-lah berhak menerima gaji penoh sa-olah2 mereka telah memenohi bilangan jam biasa-nya sa-bagai mana yang telah di-tetapkan untuk bekerja luar dari bulan puasa.

GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU SABAGAI BAHASA PERANTARAAN

Pemuda Dusun berikrar memelok Ugama Islam

MENGUCHAP KALIMAH SHAHADAT DI-HADAPAN LEBEH 400 TETAMU

LAMUNIN.—So-orang pemuda Dusun telah menguchap dua kalimah shahadat di-hadapan lebih 400 orang termasuk ayah dan ibu-nya yang bukan beragama Islam dalam satu upacara yang di-langsungkan di-rumah sa-orang ketua Melayu di-kampung ini baharu2 ini.

Berikutan dengan ucapan kalimah shahadat itu, Amang bin Hasim telah menukar nama-nya kepada nama sa-orang Islam, Minor Absah bin Abdullah.

Minor Absah ia-lah sa-orang guru pelatoh di-sekolah Melayu Sinaut, Jalan Tutong dan upacara mengislamkan-nya telah diketuai oleh Kadhi Brunei, Tuan Haji Adenan dan di-hadiri oleh satu rombongan dari badan penerangan Islam Brunei.

Sa-orang anggota badan penerangan itu, Inche Yahya bin Ibrahim, telah memberi ucapan

yang ringkas mengalu2kan kemaskinan Inche Minor Absah kadalam ugama yang suci itu serta berdoa supaya beliau sentiasa berada dalam iman.

Ugama Islam, kata Inche Yahya telah menyebabkan dunia yang pada suatu masa dahulu gelap gulita dengan kejahatan sekarang terang benderang dengan penganjuran2-nya.

"Orang2 Eropah telah mengetahui berbagai2 ilmu dari penganjuran Islam," kata Inche Yahya.

Upacara itu telah di-tamatkan dengan jamuan makan dan doa selamat.



Inche Minor Absah berikrar memelok ugama Islam di-hadapan Begawan Mudim Haji Adenan, Kadhi Brunei

TERATAI MUSTAHAK DI-TANAM UNTUK PERLINDONGAN IKAN

(Dari muka 4)

lam itu di-tanami dengan sa-jenis pokok teratai. Pokok2 ini chepat hidup dan membiak. Daun-nya yang lebar itu menjadi tempat ikan2 bertedoh serta menambah udara oxygen di-dalam ayer yang sangat di-kehendaki bagi kehidupan ikan2 tersebut.

Najis2 lembu ada baik-nya di-taborkan ka-dalam kolam sa-lain daripada untuk makanan, najis2 lembu juga boleh mendatangkan dan membanyakkan lumut (gelugut) yang sangat2 di-kehendaki oleh tiap2 jenis ikan buat makanannya.

Bagi ikan2 gurami pula, makanan yang paling di-sukai-nya ia-lah daun2 kangkong, sa-lain daripada beberapa jenis makanan2 yang di-sebutkan tadi. Daun kangkong itu di-potong kira2 satu kaki panjang dan taborkan sa-

ja ka-dalam kolam ikan gurami itu.

Tiap2 jenis ikan peliharaan ini ada-lah lebih baik di-beri makanan daripada jenis tepong beras dedak masa anak2 ikan itu berumur kira2 2-3 bulan, sa-lepas itu berikan sahaja makanan2 yang di-sebutkan di-atas.

PENJAGAAN.

Penjagaan ada-lah mustahak di-beri ia-itu berkeliling tepi kolam2 itu mahu-lah di-bersekan selalu supaya rumput2 tidak menjadi panjang dan semak.

Tiap2 kolam ini hendak-lah selalu di-perhatikan dan di-jaga supaya ikan2 sungai seperti haruan, keli dan lain2 tidak berchampur di-situ, kerana ikan2 seperti ini ada-lah menjadi musuh besar kepada ikan2 tersebut ia memakan anak2 ikan peliharaan itu.

JAM MENERIMA SURAT2 UNTUK DI-KIRIM KA-LUAR NEGERI

BANDAR BRUNEI.—Masa yang akhir bagi menerima surat2 yang di-kirim dengan kapal terbang dari Pejabat Pos, Bandar Brunei ka-tempat2 yang di-bawah ini ada-lah seperti berikut:

Ka-Seria dan Kuala Belait: Ithnin 12 tengah hari, Thalatha 12 tengah hari, Rabu 12 tengah hari, dan Khamis 12 tengah hari.

Ka-Jesselton: Hari Ithnin 12 tengah hari, hari Thalatha 12 tengah hari, hari Rabu 12 tengah hari, hari Khamis 12 tengah hari, hari Jumaat 9 pagi, dan hari Sabtu 12 tengah hari dan juga pada pukul 3.30 petang.

SURAT2 REGISTER

Ka-Singapura dan Kuching (termasuk negeri2 komonwealth dan asing): Ithnin 2 petang, Thalatha 9 pagi, Rabu 2 petang, Khamis 9 pagi, Jumaat 9 pagi, dan Sabtu 9 pagi dan 3.30 petang.

Ka-Hongkong (terus): Hanya pada hari Khamis sahaja tiap2 minggu pada pukul 12 tengah hari.

Surat2 register akan di-terima

sa-tengah jam terlebih dahulu di-Pejabat Pos Bandar Brunei dan bungkusan2 serta "money order" akan di-terima sa-jam terlebih dahulu dari pos biasa.

Untuk memberi kesenangan kepada orang ramai, Pejabat Pos akan di-buka pada hari Jumaat dari pukul 8 pagi hingga pukul 9 pagi untuk jualan stamp, menerima surat2 register dan bungkusan sahaja.

PEMBUKAAN SEKOLAH2

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei akan di-buka sa-mula pada hari Rabu 22 March sa-lepas chuti puasa.

Sekolah2 Inggeris kepunyaan Kerajaan akan di-buka sa-mula pada hari Ithnin 20 March.

Sharat2 mengenai peraduan poster "Minggu Bahasa"

BANDAR BRUNEI. — Orang2 dewasa dan murid2 sekolah ada-lah di-jemput mengambil bahagian dalam peraduan lukisan poster yang akan di-adakan sa-bagai salah satu achara untuk Pameran Buku2 Melayu pada masa sambutan Minggu Bahasa di-negeri ini tidak berapa lama lagi.

Peraduan itu ada-lah di-bahagikan kepada:

1. Orang2 dewasa, 2 (a) Murid2 sekolah yang berumur 16 tahun ka-atas dan (b) Murid2 sekolah yang berumur 16 tahun ka-bawah.

Tiap2 lukisan poster itu hendak-lah mempunyai unsur mendukung "Minggu Bahasa" dengan mengandungi chogan2 kata.

UKORAN POSTER

Lukisan itu di-kehendaki menggunakan warna2 chat atau ayer sahaja. Warna2 kapor dan pensil tidak akan di-terima.

Tiap2 poster itu mesti-lah panjang tiga puluh inci dan lebar-nya dua puluh dua inci.

Segala lukisan poster hendak-lah di-sertakan dengan nama dan alamat penoh pelukis di-belakang poster dan hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha Badan Pameran Buku d/a Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei tidak lewat

dari 3 April, 1961.

Peserta2 yang menghantar poster masing2 lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-terima.

Pembahagian kueh dan minuman hari raya

BANDAR BRUNEI. — Kueh2 Hari Raya dan minuman ringan boleh di-hadiahkan kepada orang2 salah di-penjara dan orang2 sakit di-rumah sakit.

Kueh2 untuk orang salah itu hendak-lah di-sampaikan melalui Penguasa Penjara Brunei, Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim.

Kueh2 untuk orang sakit pula hendak-lah di-sampaikan melalui Pegawai Perubatan Negara.

Sementara itu suatu jawatan kuasa telah di-bentuk untuk mengutip derma dari orang ramai, pegawai2 kerajaan dan sharikat2 perniagaan.

PELAJARI-LAH BAHASA MELAYU BAHASA KEBANGSAAN

Lumba jalan kaki sa-jauh 10 batu di-Seria

SERIA. — Inche Mohamed Yusof bin Saman, dari P. W. D. Sports Club, Kuala Belait telah berjaya memenangi perlumbaan berjalan kaki sa-jauh sa-puluh batu baharu2 ini, dengan mengambil masa 1 jam, 54 minit, 30 sa'at.

Perlumbaan itu telah di-adakan di-bawah tajaan Persekutuan Pemuda Pemudi Seria.

Sa-ramai empat ratus orang pemuda2 dari berbagai2 bangsa telah mengambil bahagian dalam perlumbaan itu mulai dari Kuala Belait Recreation Club hingga kamariah Palang Merah di-Seria.

Inche Mohamed Yusof, berumur dua puluh tujuh tahun, sekarang ini berkhidmat di-Pejabat Kerja Raya, Kuala Belait.

Gelaran naib johan dalam perlumbaan itu telah di-menangi oleh Inche Hambali bin Awang Tengah.

Lain2 orang yang berjaya dalam perlumbaan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Ahmad Momin, Thomas Chia, A.B. Ali Mohamed, P.C. Issau, Joseph Chin, Apong Laman, Awangku Ismail, A.P. Skinner, Vivian Rasiah, A. Bakar Ghani, Ja'afar Abang Besar, P.C. Kasir dan Johnny Lau.

MENERIMA HADIAH

Piala perak untuk pemenang yang pertama dalam perlumbaan sa-puluh batu itu telah di-hadiahkan oleh Inche Talib bin Darwish, manakala hadiah yang kedua di-hadiahkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Bendahari China, Kuala Belait dan hadiah yang ketiga di-hadiahkan oleh Tuan Hong Lam.

Sa-lain daripada menerima hadiah piala perak, Inche Mohamed Yusof Saman juga telah menerima hadiah wang sa-banyak lima puluh ringgit.

Pemenang yang kedua telah mendapat hadiah wang sa-banyak dua puluh lima ringgit sa-lain daripada hadiah yang lain, dan pemenang yang ketiga mendapat

hadiah lima belas ringgit dan lain hadiah.

Pemudi2 di-Daerah Belait tidak-lah ketinggalan daripada pemuda2 di-lapangan perlumbaan berjalan kaki.

Pemuda2 telah berlumba berjalan kaki sa-jauh sa-puluh batu, dan pemudi2 pula telah mengambil bahagian dalam perlumbaan berjalan kaki sa-jauh enam batu sa-tengah pada hari tersebut juga.

Perlumbaan berjalan kaki di-

antara pemudi2 telah di-mulai dari kawasan perumahan Field Force di-Kuala Belait hingga kamariah Palang Merah di-Seria.

Betty Leong, sa-orang penuntut Sekolah Saint Angela Convent, Seria telah memenangi gelaran johan perlumbaan berjalan kaki antara wanita2 sa-jauh 6½ batu dengan mengambil masa 1 jam dan 18 minit.

Wanita2 yang lain yang telah berjaya dalam perlumbaan itu ada-lah seperti di-bawah ini:

Naib johan — Helen Kong dan sa-terus-nya Janet Masudal, Cherry Shoe, Juliana Abu Bakar, Catherine Teo, Cecelia Wong, Wong Mun Yin, Jamilah Omar, Angela Chelliah, Betsy Chong, Kelly Tan, Sheilla Fowle dan Chong Yuk Yin.

RANCHANGAN MELATEH BAKAL2 ACCOUNTANT DI-AUSTRALIA

BANDAR BRUNEI. — Permohonan2 ada-lah di-jemput dari pegawai2 tempatan yang dalam jawatan tetap untuk di-pertimbangkan mendapat kurniaan biasiswa lathan sebarang laut sa-bagai jurukira2 perbendaharaan.

Pegawai2 yang di-pilih kelak akan di-hantar ka-Australia untuk memasuki sa-buah maktab teknikal dan mendapat pengalaman pratikal di-pejabat2 kerajaan dan yang separoh kerajaan.

Lathan itu akan mengambil masa sa-lama tiga tahun. Perkara2 yang akan di-pelajari ia-lah Accountancy dan Commercial Law supaya penuntut itu dapat di-kurniakan sijil Accountancy dari University kelak.

Allowance2 yang memadai akan di-bayar sa-masa berlath dan tempat tinggal yang sesuai akan di-sediakan.

Penuntut2 yang berjaya menamatkan lathan itu akan di-tawarkan jawatan dalam Treasury sa-telah balek ka-tanah ayer sa-bagai Treasury Accountant atau Penolong Treasury Accountant.

Tingkatan gaji bagi jawatan2 itu ia-lah \$850—\$1,100 bagi Penolong Treasury Accountant dan \$1,202—\$1,660 bagi Treasury Accountant.

Kursus itu akan di-mulakan dalam bulan January, 1962 tetapi satu kursus sa-bagai permulaan sa-lama enam bulan akan di-adakan. Pegawai2 yang di-pilih akan di-kehendaki meninggalkan Brunei dalam bulan June tahun ini.

Permohonan2 hendak-lah di-tulis oleh pegawai2 itu sendiri dan di-hantarkan kepada Pegawai Kewangan Negara tidak lewat dari 15 haribulan ini.

PEMIMPIN KESATUAN HOKEY

BANDAR BRUNEI. — Tuan A.N. Outram, pesuruh jaya pulis Brunei telah di-lantik menjadi yang dipertua Persatuan Hokey Negeri Brunei dalam meshuarat agong persatuan itu di-Sultan Omar Ali Saifuddin College pada petang hari Sabtu yang lalu.

Lain2 pegawai baharu persatuan tersebut yang telah di-lantik dalam meshuarat itu ia-lah:

Naib2 yang dipertua Tuan J.J. Hillen (untuk Daerah Belait) dan Tuan Norman Vowles (untuk Daerah Brunei).

Setia usaha, Tuan Inder Singh; Penolong Setia usaha, Tuan Jeevaratnam; Penyimpan wang, Tuan David St. Forrer; Peme-reksa kira2, Tuan Gwyn Roberts dan Inche Abdullah bin Haji Mohamed Ja'afar.

Perlumbaan kereta kart

SERIA. — Perlumbaan kereta "kart" telah mendapat sambutan yang baik dari kalangan pemu2 kereta itu pada masa di-adakan di-sini baharu2 ini.

Perlumbaan itu di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Kereta2 Negeri Brunei di-kawasan Material Complex Sharikat Minyak Shell, Seria.

Oleh kerana kejayaan tersebut, Persatuan Kereta Negeri Brunei akan mengadakan perlumbaan kereta2 "kart" di-tempat tersebut juga sa-kali lagi pada pagi hari Ahad 19 March akan datang.

BOAT CLUB

KUALA BELAIT. — Miri Belait Boat Club telah mengalahkan Royal Brunei Yacht Club dalam satu perlumbaan perahu2 layar dengan 61½ mata berbalas 55 mata.

Perlumbaan itu telah di-adakan sa-chara persahabatan di-Sungai Belait baharu2 ini.



Pemandangan di-salah satu jalan raya di-Seria sa-masa lebih 500 orang pemuda dari daerah Belait Seria mengambil bahagian dalam lumba jalan kaki sa-jauh 10 batu bagi bahagian laki2 dan 6½ batu bagi bahagian perempuan.

Tangkapan dan pembuangan tokoh2 politik

LEOPOLDVILLE (Congo) — Wakil khas Bangsa2 Bersatu di-Congo, Tuan Rajeshwar Dayal, telah menyatakan bahawa pehak yang berkuasa Leopoldville telah menangkap beberapa orang tokoh2 politik dan membuang mereka ka-Kasai Selatan di-sabelah timur Congo.

Dalam satu laporan kepada Setiausaha Agong Bangsa2 Bersatu, Tuan Dag Hammarskjöld, yang di-terbitkan di-New York, Tuan Dayal menyatakan bahawa gerakan penangkapan dan pembuangan ini akan menerbitkan akibat2 yang burok.

Beliau juga telah berchakap tentang khabar2 angin yang kerap kali di-dengar bahawa ramai daripada orang2 yang di-buang itu telah di-hapuskan sataba-nya mereka di-Bakwanga, ibu kota Kasai Selatan.

DI-BUNOH

Tuan Dayal berkata bahawa Presiden Kerajaan Wilayah Orientale, Tuan Finant, mengikut khabar2 angin telah di-bunoh pada satu tarikh yang tidak diketahui dan Setiausaha Negara dalam kerajaan Congo yang pertama, Tuan Lumbala, di-beritakan telah di-bunoh sa-chara churi pada 14 February bersama lain2 orang.

Tuan Dayal berkata bahawa sunggoh pun penangkapan dan pembuangan itu di-lakukan sa-chara rahasia tetapi pehak pemertahan Bangsa2 Bersatu dapat mengetahui-nya; hasil daripada beberapa aduan yang telah di-

Irian Barat di-Majlis Keselamatan

THE HAGUE (Belanda). — Kerajaan Belanda akan mengemukakan soal Irian Barat kepada Majlis Keselamatan Bangsa2 jika perkembangan2 dalam pertikaian-nya dengan Indonesia mengenai daerah itu memerlukan-nya, kata Perdana Menteri, Professor Jan. H. De Quay.

Prof De Quay berkata bahawa kerajaan tidak memikirkan perlu untuk melibatkan Majlis Keselamatan tetapi perkara itu mungkin timbul di-masa yang akan datang.

GUNAKAN KEKERASAN

Prof De Quay berkata lagi bahawa dia menjangka Indonesia mungkin bersedia untuk menggunakan kekerasan untuk menghasilkan tuntutan-nya terhadap Irian Barat.

Sementara itu Belanda telah meminta setiausaha agong Bangsa2 Bersatu, Tuan Dag Hammarskjöld supaya memberi tahu semua anggota B.B. tentang kandungan surat Belanda kepada Indonesia yang membantah tin dakan2 angkatan senjata Indonesia dekat Irian Barat.

buat oleh sahabat2 dan saudara2 yang mengelisah.

Tuan Dayal menyatakan bahawa beliau telah menulis kepada Perdana Menteri kerajaan baharu di-Leopoldville, Tuan Joseph Ileo, menggesa supaya di-beri ma'lumat segera tentang penangkapan2 tersebut.

Presiden Ghana, Tuan Kwame Nkrumah telah menyatakan bahawa Perdana Menteri Congo yang pertama, Tuan Patrice Lumumba telah di-tembak mati oleh sa-orang pegawai Belgium lebeh

dari sa-bulan dahulu tatkala beliau sedang berlutut sembahyang.

Kerajaan Katanga telah menyatakan pada awal2 bulan ini bahawa Tuan Lumumba telah di-bunoh oleh penduduk2 kampung sa-lepas beliau lepas lari dari penjara.

CHUBA MENCHULIK

Ada-lah di-fahamkan di-Leopoldville bahawa Tuan Anicet Kashamura ia-itu salah sa-orang daripada chalun2 bakal menggantikan Tuan Lumumba sedang berada di-bawah perlindungan Bangsa2 Bersatu di-Bukavu dalam Wilayah Kivu.

Pehak Bangsa2 Bersatu telah mengumumkan terlebih dahulu bahawa Tuan Kashamura telah dapat melarikan diri dari satu perchubaa menchulik-nya oleh tentera2 dari Stanleyville, ia-itu ibu pejabat Tuan Gizenga.

Tuan Gizenga telah di-akui oleh sa-tengah2 negara Afro-Asia sa-bagai Perdana Menteri Congo yang halal.

PEMBENTOKAN SUROHANJAYA UNTUK MENGGAKI KEDUDOKAN

VIENTIANE. — Raja Laos, King Savang Vatthana telah meminta Kemboja, Burma dan Malaya membentok satu surohanjaya untuk pergi ka-Laos dengan tujuan bagi menentukan bahawa Laos tidak mengancam sa-siapa pun dan sa-mata2 berchita untuk keamanan.

Raja itu menyatakan bahawa tugas surohanjaya itu ia-lah untuk memberi tahu jika ada champor tangan asing, langsung atau tidak langsung, berterangan atau berselindongan, yang akan membahayakan kemerdekaan dan kebebasan negara-nya.

Baginda telah merayu kepada Setiausaha Agong Bangsa2 Bersatu supaya membawa perishtihaan-nya kepada semua ahli pertubohan sa-dunia itu agar dunia dapat mengakui chita2 halal raayat Laos.

Baginda telah menyatakan bahawa negara-nya akan berjalan atas satu dasar yang bebas dan merdeka ia-itu tidak terikat kepada blok Barat atau Timor. Laos tidak akan menchamporti sa-barang perikatan tentera dan tidak akan membenarkan sa-barang tentera asing atau pangkalan tentera bertempat di-kawasan-nya.

Tetapi Baginda menerangkan bahawa Laos akan sentiasa menghormati perjanjian2 antara-bangsa yang telah termetri oleh-nya sa-chara bebas.

Baginda telah merayu kepada semua negara supaya menghormati kemerdekaan dan keutuhan kawasan Laos dan berjanji tidak akan champor tangan dalam hal ahwal negeri Laos walau pun dalam bentuk bantuan jika ini tidak di-luluskan oleh perjanjian terlebih dahulu.

GURU2 BAHASA INGGERIS FILIPINA UNTUK MALAYA DAN INDONESIA

MANILA. — President Filipina, Carlos Garcia telah mengumumkan bahawa rundingan2 sedang di-jalankan untuk menghantar guru2 bahasa Inggeris Filipina ka-Malaya dan Indonesia.

Pejabat Presiden di-Manila mengumumkan bahawa pengumuman itu telah di-buat oleh Presiden di-Baguio City ia-itu ibu kota negara dalam musim panas, tatkala beruchap di-hadapan le-

beh kurang 400 orang guru2 sekolah raayat yang telah mengunjongi beliau dalam satu rombongan pada hari itu.

Presiden itu berkata bahawa Jabatan Hal Ahwal Luar Negeri sedang menchuba untuk mendapatkan satu jalan penyelesaian yang memuaskan hati untuk menghantar guru2 Filipina ka-Malaya dan Indonesia sa-bagai menjawab permintaan rasmi.

PAMERAN DAGANGAN BULAN JUNE

KUALA LUMPUR. — Setiausaha Urusan Perlemen dari Menteri Perdagangan Australia, Tuan R.W. Swartz, berkata di-sini bahawa Australia akan membantu Malaya dalam mengusahakan penanaman padi dengan mempergunakan jentera.

Beliau berkata bahawa bantuan ini dapat di-berikan dengan mengirinkan pakar2 teknik Australia ka-Malaya atau dengan melateh orang2 Malaya dalam lapangan teknik di-Australia.

Tuan Swartz menyatakan hal ini ketika hendak bertolak meninggalkan Malaya untuk memperbinchangkan soal2 perdagangan dengan pegawai2 Kerajaan Persekutuan dan pedagang2 di-sini.

Ia telah mengadakan perundingan2 dengan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Inche Mohammad Khir bin Johari dan wakil2 sharikat2 perdagangan tempatan di-sini.

Tuan Swartz berkata sa-lanjutnya bahawa sa-buah kapal pameran perdagangan Australia akan datang ka-Malaya dalam bulan June yang akan datang.

Menurut Tuan Swartz, 100 buah sharikat2 perusahaan dan 43 pengusaha2 perdagangan akan ikut serta dalam pameran tersebut.

Perundingan2 perlembagaan

LONDON. — Suasana politik telah hangat di-sini sa-telah gagal perundingan2 perlembagaan untuk Rhodesia Utara.

Tuan Harold Macmillan, Perdana Menteri British, telah memberikan kepada suatu sidang khas sa-malam butir2 tentang meshuarat-nya yang penghabisan kelmarin dengan pemimpin2 Afrika di-persidangan itu.

Pemimpin2 Afrika itu telah menuntut jaminan tentang kelelahan bilangan anggota2 bangsa Afrika dalam Dewan Undang-an negara naungan itu.

Pemimpin2 Afrika itu telah menudoh bahawa Kerajaan British telah beralah kepada desakan dari orang2 kulit puteh di-Rhodesia.

Orang kulit puteh itu di-ketuai oleh Sir Roy Wellesley, Perdana Menteri Persekutuan Afrika Tengah yang terdiri dari Rhodesia Utara dan Selatan dan Nyasaland telah mengugut akan menentang kekerasan dengan kekerasan sa-kira-nya berlaku dalam negeri mereka.